

BAB TIGA

KONSEP PENDIDIKAN

3.1. PENDAHULUAN

Ayat 12 - 19 Surah Luqman yang menjadi fokus penyelidikan ini mempunyai banyak unsur pendidikan. Kesemuanya dijelaskan dalam bentuk kata nasihat yang diberikan oleh Luqman Al-Hakim kepada anaknya. Konsep pendidikan yang terkandung dalam ayat tersebut merangkumi bidang akidah, ibadat dan akhlak.

3.2. KONSEP PENDIDIKAN AKIDAH

3.2.1. AKIDAH DAN KEPENTINGANNYA

Menurut Mohd. Sulaiman (1985), perkataan akidah berasal daripada perkataan Arab **اعتقاد** yang bermaksud simpulan. Akidah dalam konteks kepercayaan ialah kepercayaan yang terikat dan tersimpul kuat dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan tercerai atau terurai lagi.

Menurut Hassan Al-Banna (Tanpa Tarikh), akidah ialah hal yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati yang akan memberikan ketenangan kepada hati dan jiwa, tidak ragu atau bimbang, bersih dan murni daripada segala perasaan syak wasangka. Akidah akan melahirkan keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadat kepada Yang Maha Berkuasa.

Berasaskan kenyataan di atas, akidah adalah satu kekuatan yang utama bagi mengawasi segala tindakan dan perilaku seseorang itu. Akidah juga dapat mempengaruhi sahsiah seseorang di mana setiap percakapan dan perbuatan seseorang itu akan menggambarkan sejauh mana jiwanya terikat dengan akidah.

Menurut Al-Qardhawi (1983), tanpa akidah, kehidupan seseorang itu adalah umpama bulu-bulu yang berterbangan ditiup angin, terumbang ambing tanpa sebarang arah tujuan. Mereka tidak akan mempunyai sebarang harga diri kerana tidak mengenal hakikat dirinya sendiri serta Tuhan yang telah menciptakannya. Dalam konteks sebuah masyarakat pula, masyarakat yang hidup tanpa berpegang dengan akidah yang betul akan berada di dalam kesesatan dan kerosakan kerana yang menjadi tujuan dan matlamat hidupnya hanyalah kepentingan perut dan kepuasan sex sahaja.

Allah menggambarkan golongan ini sebagai makhluk yang tidak bernilai tinggi.

Firman Allah

وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَتْمِمُونَ وَيَا لَكُونَ كَمَا نَأَيْنَا كُلَّ الْأَنْعَمْ
وَكَمَا رَمَتُمْ لَهُمْ ۝

“ Dan orang-orang kafir itu bersenang- senang di dunia dan mereka makan sebagaimana binatang-binatang ternakan makan. Dan neraka adalah tempat tinggal mereka ”

(Al-Quran : Surah Muhammad , 47 : 12)

3.2.2. AKIDAH ISLAM

Akidah Islam berbeza dengan kepercayaan-kepercayaan agama lain dari segi konsepnya berasaskan kepada ciri-ciri berikut .

i- Uluhiah dan Rububiah

Akidah Islam bersifat Uluhiah iaitu konsep ketuhanan yang layak disembah manakala Rububiyah ialah konsep ketuhanan yang mempunyai kekuasaan mutlak dan wajib dipatuhi.

Firman Allah :

وَقَالُوا أَعْجَدَ اللَّهُ وَلَدٌ أَسْبَحَنَاهُ بِلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ كُلُّهُ لَهُ قَدْنَنُونَ ۝

“ Bahkan dialah yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Semuanya itu tunduk di bawah kekuasaanNya ”

(Al-Quran : Surah Al-Baqarah, 2 : 116)

FirmanNya lagi :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ
الْمُؤْمِنُ الْمُهَبِّرُ بِالْعَزِيزِ الْجَبَارِ الْمُكَبِّرِ
سَبَّحَنَ اللَّهُ عَمَّا يُشَرِّكُونَ ﴿١٦﴾

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصْوِرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى
يُسَيِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

“ Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia: Yang Menguasai (sekelian alam) : Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang melimpahkan Keamanan, Yang Maha Pengawal serta Pengawas ; Yang Maha Kuasa; yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya), Yang melengkapi Segala KebesaranNya, Maha Suci Allah dari segala apa yang mereka sekutukan denganNya. Dialah Allah Yang menciptakan sekalian makhluk, Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada) Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya). BagiNya-
lah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulia-nya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi. Dan Dialah yang tidak ada tolok bandingNya lagi Maha Bijaksana)

(Al-Quran : Surah Al-Hasyr, 59 : 23 - 24)

ii - Sesuai dengan fitrah

Akidah Islam adalah sesuai dengan fitrah atau naluri semulajadi manusia.

Allah telah menjadikan naluri semula jadi di dalam diri manusia untuk percaya kepada tuhan terutamanya apabila mereka berada di dalam kesusahan atau mengalami kesempitan hidup.

Firman Allah :

وَإِذَا أَذْقَنَا النَّاسَ رَحْمَةً مِّنْ بَعْدِ ضَرَّاءٍ مَسَّتْهُمْ إِذَا لَهُمْ مَكْرُرٌ فِي
هَايَا إِنَّا قُلْ أَللهُ أَشَدُّ مَكْرُرًا إِنَّ رَسُولَنَا يَكْتُبُونَ مَا تَكْرُرُونَ
﴿٦﴾ هُوَ الَّذِي يُسَرِّكُرُّ فِي الْأَبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّى إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلُكِ
وَجَرَيْنَ إِلَيْهِمْ يَرِيْجُ طَبَّيْرَ وَفَرِحُوا بِهَا جَاءَهُمْ تَهَارِيْجُ عَاصِفٍ
وَجَاءَهُمْ الْمَوْجُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ أَحْيَطُ بِهِمْ دَعْوَا
اللَّهُ مُخْلِصِينَ لِهِ الدِّينَ لَمَّا آتَيْنَا مِنْ هَذِهِ لِنَكُونَنَّ مِنَ
الشَّاكِرِينَ ﴿٦﴾ فَلَمَّا آتَيْنَاهُمْ إِذَا هُمْ يَبْغُونَ فِي الْأَرْضِ يُغَيِّرُ
الْحَقَّ يَكُوْنُهَا النَّاسُ إِنَّمَا يَغْيِيْكُمْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ مَتَّعَنَ الْحَيَاةَ
الَّذِي أَثْرَى إِلَيْنَا مَرْجِعَكُمْ فَنَبْيَسْكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦﴾

“ Dan apabila Kami beri manusia merasai sesuatu rahmat sesudah mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka dengan serta merta melakukan rancangan mereka menentang ayat - ayat keterangan Kami dengan mendustakannya dan mengingkarinya. Katakanlah wahai Muhammad, Allah lebih cepat melakukan rancangan menentangnya. Sesungguhnya malaikat utusan kami sentiasa menulis akan rancangan tipu daya yang kamu jalankan itu. Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang - penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan merekapun bersukacita dengannya tiba - tiba datanglah angin ribut yang kencang dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru serta mereka percaya bahawa mereka diliputi bahaya , pada saat itulah mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata: Demi sesungguhnya. Jika Engkau selamatkan kami daripada bahaya ini, kami tetap menjadi orang yang bersyukur ”

(Al-Qurān : Surah Yunus , 10 : 21-22)

Akidah Islam bukan hanya sekadar berbicara dengan hati dan perasaan semata-mata bahkan setiap isu akidah dikemukakan dengan hujjah, bukti dan alasan yang nyata. Ini dapat diterima oleh akal sebagai jalan menuju kepada hati dan iman. Misalnya , sewaktu membincangkan masalah akidah uluhiah dan rububiah, ditegakkan dengan bukti-bukti kejadian alam semesta, kejadian diri manusia sendiri dan pelbagai sejarah kehidupan sepanjang zaman yang membuktikan kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah s.w.t.

3.3. SYIRIK

Didikan akidah Luqman Al-Hakim yang asas sekali kepada anaknya ialah mengingatkan mereka supaya tidak mensyirikkan Allah. Ini adalah kerana ia adalah suatu perbuatan dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah . Nasihat Luqman Al-Hakim ini terkandung di dalam ayat 13 surah tersebut.

وَلَذِقَ الْقُمَّنُ لِابْنِهِ وَهُوَ بِعَظَمَهُ يَبْشِّرُ لَا شَرِيكَ لِإِلَهٍ
إِنَّ الشَّرِيكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

“ Wahai anakku. Janganlah kamu mensyirikkan Allah.
Sesungguhnya syirik itu adalah kezaliman yang sangat besar ”

(Al-Quran : Surah Luqman, 31 : 13)

Berasaskan akidah yang jelas yang diperolehi dari hikmah yang dikurniakan Allah kepadanya, Luqman Al-Hakim telah meletakkan akidah sebagai asas pendidikannya. Cara untuk memantapkan akidah ialah dengan menjauhkan diri daripada segala bentuk syirik . Syirik ialah menyerupakan makhluk dengan Allah sama ada dari segi boleh memberi manfaat atau mudharat, memberi atau menahan sesuatu dan segala cabang ibadat kepada sesuatu yang lain daripada Allah (Abdul Rahman : Tanpa Tarikh)

Syirik boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu syirik akbar (jali) dan syirik asghar (khafi) (Al-Jauziah, Tanpa Tarikh). Syirik Jali berlaku apabila seseorang itu menjadikan sesuatu selain daripada Allah sebagai sekutuNya atau sembahannya serta menyintai sesuatu sebagaimana dia menyintai Allah.

Ini telah dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Quran melalui firmanNya :

تَالَّهُ إِنْ كُنَّا لَفِي
ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٦﴾ إِذْ نُسَوِّي كُمْ بَرَبَ الْعَالَمِينَ

“ Demi Allah ! Sesungguhnya kami (semasa di dunia dahulu adalah di dalam kesesatan yang nyata. Kerana Kami menyamakan Kamu dengan Tuhan sekalian alam)
 (Al-Quran: Surah Al-Syu’ara’ , 26 : 97 - 98)

Syirik jali juga boleh berlaku dengan mempertuhankan sesama manusia sebagaimana yang dilakukan oleh datok nenek orang-orang musyrikin dahulu.

وَالَّذِينَ أَخْذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْ لِيْكَةً
مَا نَعْبُدُ هُمْ إِلَّا لِقَرْبَوْنَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ كُمْ بِمَا تَهْمَمُ
فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَذِيرٌ
كُفَّارٌ

“ Dan orang - orang musyrikin yang mengambil selain dari pada Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata) : Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendekatkan kami dengan Allah

dengan sedekat-dekatnya ”
 (Al-Quran : Surah Al-Zumar, 39 : 3)

Syirik asghar (khafi) pula ialah syirik tersembunyi yang tidak jelas kesyirikannya seperti ria' (Al-Haitami , 1967).

“ Sesungguhnya perkara yang aku takut berlaku kepada kamu ialah syirik asghar. Para sahabat bertanya apakah syirik asghar itu. Baginda menjawab. Ia adalah ria'. Nanti akan dikatakan kepada orang-orang yang melakukan demikian apabila semua orang datang dengan amalan mereka di akhirat nanti, pergilah kamu kepada orang yang kamu tunjukkan (di dunia dahulu) Mintalah pahala daripada mereka ”.

(Al-Haitami , 1967)

Oleh kerana syirik memberikan kesan yang sangat buruk kepada seseorang iaitu merosakkan akidah di samping dosanya tidak akan diampunkan oleh Allah, maka Luqman Al-Hakim memulakan didikan kepada anaknya dengan mengingatkan mereka supaya tidak mensyirikkan Allah, di samping membiasakannya dan orang yang dididik beliau dengan tabiat tidak menyukai kepada pengaruh kebendaan kerana ia merupakan bibit yang boleh merosakkan fitrah insaniah yang suci.

3.3. KONSEP IBADAT

3.3.1. PENDAHULUAN

Ibadat di dalam Islam tidak terbatas kepada soal-soal yang khusus seperti solat, zakat, puasa dan haji sahaja. Sebaliknya ia adalah sangat luas merangkumi hubungan antara manusia dengan tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan makhluk ciptaan tuhan. Ibadat di dalam Islam adalah pengabdian diri kepada Allah dalam segala urusan kehidupan. Ia juga berfungsi menjalinkan hubungan yang berterusan antara hamba dengan Allah dalam segala hal. Hubungan inilah yang menjadi pokok pangkal dan asas utama pendidikan Islam pada keseluruhannya (Muhammad Qutb, 1980).

Ibadat di dalam Islam mempunyai kespaduan di antara kepentingan dunia dan akhirat. Tidak ada ibadat yang hanya menjurus kepada akhirat semata. Tidak wujud dua jalan yang berbeza iaitu yang khusus untuk akhirat yang dinamakan ibadat dan yang khusus untuk dunia yang dinamakan kerja atau usaha (Muhammad Qutb , 1980).

Beribadat kepada Allah bukanlah bererti meninggalkan kehidupan dan urusan dunia. Islam melarang manusia daripada memisahkan dirinya daripada kehidupan dunia semata-mata untuk mengejar kehidupan akhirat.

Firman Allah di dalam Al-Quran :

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسِكَ
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ .
(٢٧)

“ Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu dari dunia ”

(Al-Quran : Surah Al-Qasas , 28 : 77)

Dengan itu, jelaslah bahawa konsep ibadat di dalam Islam sangatlah luas. Ia tidak hanya tertumpu kepada perkara-perkara tertentu sahaja yang berkaitan akhirat sahaja bahkan segala amalan baik yang dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah dikira sebagai ibadat.

3.3.2. SOLAT

Luqman Al-Hakim telah menasihatkan anaknya supaya mendirikan solat .

يَبْعِثُ أَقْرِبَ الصَّلَاةِ

“ Wahai anakku, dirikanlah solat ”

(Al-Quran : Surah Luqman, 31 : 17)

Berasaskan ayat ini, jelas bahawa ibadat ini merupakan ibadat yang sangat penting bagi setiap individu insan. Oleh itu, ia disyariatkan oleh Allah kepada setiap individu

sejak awal lagi. Tiada satu syariat yang diturunkan oleh Allah kepada semua Rasul yang mengecualikan ibadat solat. Luqman Al-Hakim hidup pada zaman Nabi Daud dan beliau seorang nabi, bukan seorang rasul. Oleh itu, beliau mengikut syariat yang diturunkan Allah kepada Nabi Daud. Dalam syariat ini, ibadat solat menjadi tiang agama. Oleh itu, beliau menekankan betapa pentingnya ibadat solat ditunaikan oleh setiap orang.

Dalam syariat yang terakhir diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w., ibadat solat juga ditekankan. Tujuan solat disyariatkan bukan sekadar untuk menunaikan tuntutan Rukun Islam, sebaliknya untuk memperoleh banyak rahsia dan hikmah disebalik menunaikannya. Orang-orang yang menunaikan solat akan memperolehi ketenangan jiwa kerana dia berhadapan dengan sesuatu yang berkuasa memberi apa yang diperlukannya dan menolak perkara yang tidak diingininya. Pakar-pakar jiwa mengatakan bahawa rawatan kepada pesakit jiwa sangat memerlukan kepada kesanggupan seseorang meluahkan isi hati dan perasaannya kepada orang yang menyebabkan gangguan itu terjadi. Memendamkan perasaan dan apa yang tersirat di dalam hatinya hanya akan menyebabkan penyakitnya akan menjadi lebih parah lagi (Al-Ghawabi, 1957). Orang-orang yang menunaikan solat meluahkan segala isi hatinya kepada Allah melalui bacaan-bacaan di dalam solat dan diikuti bacaan doa selepas menunaikan solat.

Ibadat solat juga mendidik seseorang itu supaya sentiasa menjaga kebersihan. Didikan ini berlaku melalui amalan berwudhu' sebelum menunaikan solat di mana seseorang itu perlu membasuh beberapa anggota yang tertentu.

Firman Allah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قَمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا
وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بُرُءَةً وَسِكْنَمْ
وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

“ Wahai orang - orang yang beriman! Apabila kamu hendak menunaikan solat (sedangkan kamu berhadas kecil) maka berwudhu'lah iaitu basuhlah muka kamu dan kedua tangan kamu hingga ke siku dan sapulah sebahagian kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu hingga ke buku lali ”

(Al-Quran : Surah Al-Ma''idah , 5 : 6)

Menurut Al-Ghawabi (1957) lagi, sesuatu penyakit biasanya berjangkit melalui mulut, sedutan hidung dan kulit. Dengan membersihkan anggota-anggota tertentu melalui amalan wudhu' maka ia akan dapat dibersihkan daripada kekotoran zahir yang terdapat pada anggota itu. Berkumur-kumur akan membersihkan mulut dan mengelakkan mulut berbau dan sakit gigi, menyedut air ke dalam hidung akan menghindarkan daripada sakit kepala manakala membasuh muka, tangan, telinga dan kaki akan menghilangkan debu-debu yang melekat pada anggota-anggota tersebut.

Ibadat solat juga dapat melatih seseorang itu supaya sentiasa berada di dalam keadaan cergas dan aktif. Ini terhasil melalui pergerakan-pergerakan di dalam ibadat solat seperti berdiri (qiam), rukuk, iktidal, sujud dan duduk di antara dua sujud. Ini bertepatan dengan saranan Rasulullah s.a.w. yang menggalakkan umat Islam supaya sentiasa berada dalam keadaan cergas kerana akal yang cerdas itu datangnya dari badan yang yang sihat. Kesihatan badan pula diperolehi dengan melakukan banyak pergerakan seperti solat.

Selain daripada itu , ibadat solat juga mendidik manusia supaya sentiasa taat kepada perintah Allah dan menjauhi perbuatan-perbuatan yang keji lagi mungkar. Ini berlaku melalui bacaan-bacaan di dalam solat seperti bacaan Fatihah, Doa Iftitah, Tahiyat dan sebagainya di mana mereka mengakui bahawa Allahlah tuhan mereka dan akan sentiasa menyerahkan diri kepada Allah.

Ibadat solat juga mendidik manusia agar sentiasa berdisiplin dari segi masa. Ini akan terhasil kerana ibadat solat mempunyai waktunya yang tertentu dan solat perlu ditunaikan di dalam tempoh masa tersebut. Dengan demikian, mereka yang terdidik dengan ibadat solat akan menjadi manusia yang sentiasa menjaga masanya dalam apa juga pekerjaan yang dilakukannya.

Selain daripada itu, ibadat solat juga mendidik manusia tentang persamaan taraf di kalangan manusia. Melalui solat berjemaah, semua makmum akan berbaris di dalam saf tanpa mengira pangkat, darjah ataupun keturunan. Tidak ada saf yang dikhatusukan untuk golongan tertentu. Sesiapa yang datang awal ke masjid, maka dia lah yang lebih berhak untuk duduk di saf hadapan walau apapun kedudukannya (Al-Qardhawi , 1987).

Kesimpulannya, ibadat solat yang menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam ditunaikan bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan rukun Islam semata bahkan ia juga mempunyai hikmah disebaliknya. Ibadat solat mendidik umat Islam supaya mengambil berat tentang kesihatan melalui amalan berwudhu' sebelum solat, sentiasa patuh dengan disiplin masa , mengeratkan hubungan kemasyarakatan dan menunjukkan persamaan taraf sosial manusia.

3.3.3. MENYURUH KEPADA KEBAIKAN DAN MENCEGAH KEMUNGKARAN

Pendidikan ini terkandung di dalam ayat ayat 17 surah Luqman.

وَأْمُرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ
 وَأَصِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمٍ لِّا مُوْرٍ
 ﴿١٧﴾

“ Dan suruhlah berbuat kebaikan dan laranglah daripada melakukan kemungkaran dan bersabarlah di atas segala bencana yang menimpamu ”

Menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran adalah salah satu daripada usaha dakwah yang wajib dilakukan oleh setiap umat Islam. Ini adalah kerana sekiranya usaha berdakwah kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran tidak dilakukan, maka kehidupan manusia akan menjadi kacau bilau dan terumbang-ambing tanpa mengenal batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah . Itulah sebabnya Allah memuji mereka yang menjalan tanggungjawab ini sebagaimana dijelaskan di dalam ayat berikut.

كُتْمَنْ خَيْرٌ أُمَّةٌ أَخْرَجَتْ لِلنَّاسِ، تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ، وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ.

“ Kamu adalah sebaik - baik umat yang dilahirkan kepada manusia, kamu menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah ”
 (Al-Quran : Surah Ali ‘Imran , 3 : 110)

Usaha dakwah adalah tanggungjawab setiap umat Islam yang tidak boleh ditinggalkan. Dakwah perlu dilakukan dengan mengikut perkembangan semasa bagi memastikan ia berjaya mencapai matlamatnya. Dengan berkembangnya kemajuan dalam bidang teknologi maklumat kini, usaha-usaha dakwah tidak ketinggalan mengalami perubahan dari segi metodologinya dan kaedah penyampaiannya bagi menarik lebih ramai orang mendekati Islam. Pendakwah - pendakwah perlulah berkemahiran meng-

gunakan alat-alat teknologi maklumat terkini seperti komputer dan internet dalam usaha dakwahnya dan tidak lagi terikat dengan kaedah lama seperti bersyarah sahaja bagi menarik minat orang ramai ke arah penghayatan Islam. Sekiranya umat Islam meninggalkan tanggungjawab ini, maka tidak mustahil umat Islam akan terus jauh ketinggalan kebelakang sama ada dalam bidang ekonomi dan politik malahan juga sosial.

3.4. KONSEP AKHLAK

3.4.1. PENDAHULUAN

Menurut Imam Al-Ghazali (*Tanpa Tarikh*), akhlak adalah sumber daya yang terpendam di dalam jiwa seseorang yang menyebabkan lahirnya suatu perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan fikiran atau renungan. Ia ada hubungan rapat dengan iman di mana kuat atau lemahnya iman seseorang boleh dilihat berdasarkan kepada akhlak yang dimilikinya. Seseorang yang kuat imannya akan mempunyai akhlak yang baik manakala mereka yang lemah imannya akan mempunyai akhlak yang buruk dan mudah terjerumus kepada perbuatan-perbuatan yang keji..

Pendidikan Luqman berkaitan akhlak terkandung di dalam ayat 14, 16, 17, 18 dan 19 surah tersebut.

3.4.2. BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

Nasihat Luqman Al-Hakim itu terkandung di dalam ayat 14 surah tersebut.

وَصَّيْنَا إِلَى إِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ، وَهُنَّ عَلَى وَهْنٍ
 وَفَصَّلَهُ، فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ
١٤
 إِلَى الْمَصِيرِ

“ Dan Kami merwajibkan manusia berbuat baik kepada ibu bapanya. Ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusukannya) dan tempoh menceraikan susu ialah dalam masa dua tahun (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu dan ingatlah kepada kulah tempat ia kembali”
 (Al-Quran : Surah Luqman , 31 : 14)

Allah memandang berat terhadap perkara berbuat baik kepada kedua ibu bapa sehingga Dia meletakkan perintah itu beriringan dengan perintahnya dalam hal mengesakan ZatNya dan menyembahNya.

وَقَضَى رَبُّكَ أَنْ لَا تَغْبُدُنَا إِلَّا إِيَاهُ، وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

“ Dan Tuhanmu memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata , dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa ”
 (Al-Quran : Surah Al-Isra ' , : 17 : 23)

Nasihat Luqman Al-Hakim supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa adalah bagi mengenang jasa dan pengorbanan yang telah mereka curahkan dalam usaha untuk membesar dan mendidik anak-anak mereka. Dengan itu, adalah diharapkan anak-anak itu nanti akan sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa mereka dan mengelakkan masalah penghantaran warga tua ke rumah orang-orang tua.

3.4.3. MURAQABAH

Luqman Al-Hakim menasihatkan anaknya supaya sentiasa mengawasi diri mereka terhadap Allah melalui ayat 16 surah tersebut.

يَبْقَى إِنَّهَا إِن تَكُ مِنْ قَالَ حَسْنَةً مِنْ خَرَدِلِ فَتَكُنْ فِي
 صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ
 إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَيْرٌ ﴿١٦﴾

“ Wahai anak kesayanganku , sesungguhnya jika ada se-satu perkara (yang baik atau buruk) sekalipun seberat sebiji sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau di bumi , sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas) kerana sesungguhnya Allah Maha Halus Pengetahuannya Lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi ”

(Al-Quran : Surah Luqman, 31 : 16)

Menurut Imam Al-Ghazali (1968), muraqabah ialah pengawasan terhadap zat yang menjaga dirinya dan menumpukan perhatian yang bersungguh - sungguh kepadaNya.

Setiap orang perlu mengawasi setiap perbuatan yang dilakukannya. Oleh itu, hendaklah diperhatikan dua perkara berikut sebelum melakukan sesuatu perbuatan :-

- i- pandangan sebelum sesuatu perbuatan itu dilakukan
- ii- pandangan semasa perbuatan itu dilakukan

Sekiranya sesuatu itu dilakukan kerana Allah dan mengharapkan keredhaanNya, maka bolehlah ia diteruskan sehingga selesai. Akan tetapi sekiranya ia dilakukan bukan kerana Allah bahkan kerana sebab-sebab yang lain daripada Allah, maka hendaklah dia merasa malu kepada Allah dan berhenti daripada melakukannya (Al-Qasimi, 1979).

Oleh kerana Allah Maha Mengetahui dengan setiap perbuatan manusia tidak kira bagaimana dan di mana sahaja ia dilakukan, sama ada baik ataupun jahat, kecil ataupun besar, maka sewajarnyalah manusia mengikhlaskan setiap perbuatan baiknya manakala perbuatan jahat tidak akan dilakukan langsung.

Sekiranya setiap manusia berpegang dengan nasihat Luqman Al-Hakim ini, setiap kali dia ingin melakukan kesalahan, dia tidak akan berani meneruskannya kerana keyakinan Allah mengetahui apa yang dilakukannya. Oleh itu, dia akan segera bertaubat dan tidak berani untuk melakukannya. Bagi orang yang teguh imannya, dia akan sentiasa berusaha melipatgandakan amalannya dan menjauhi langsung maksiat.

Setiap orang perlu mengawasi setiap perbuatan yang dilakukannya. Oleh itu, hendaklah diperhatikan dua perkara berikut sebelum melakukan sesuatu perbuatan :-

- i- pandangan sebelum sesuatu perbuatan itu dilakukan
- ii- pandangan semasa perbuatan itu dilakukan

Sekiranya sesuatu itu dilakukan kerana Allah dan mengharapkan keredhaanNya, maka bolehlah ia diteruskan sehingga selesai. Akan tetapi sekiranya ia dilakukan bukan kerana Allah bahkan kerana sebab-sebab yang lain daripada Allah, maka hendaklah dia merasa malu kepada Allah dan berhenti daripada melakukannya (Al-Qasimi, 1979).

Oleh kerana Allah Maha Mengetahui dengan setiap perbuatan manusia tidak kira bagaimana dan di mana sahaja ia dilakukan, sama ada baik ataupun jahat, kecil ataupun besar, maka sewajarnyalah manusia mengikhaskan setiap perbuatan baiknya manakala perbuatan jahat tidak akan dilakukan langsung.

Sekiranya setiap manusia berpegang dengan nasihat Luqman Al-Hakim ini, setiap kali dia ingin melakukan kesalahan, dia tidak akan berani meneruskannya kerana keyakinan Allah mengetahui apa yang dilakukannya. Oleh itu, dia akan segera bertaubat dan tidak berani untuk melakukannya. Bagi orang yang teguh imannya, dia akan sentiasa berusaha melipatgandakan amalannya dan menjauhi langsung maksiat.

iii- sederhana (ayat 19)

وَأَقْصِدِ فِي مُشِّيْكَ وَأَعْضُضِ مِنْ صَوْرِكَ
إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لِصَوْتِ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

“ Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan,
dan rendahkanlah suaramu (semasa bercakap) se-
sungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai ”

3.4.4.1. SABAR

Menurut Al-Ghazali (Tanpa Tarikh), sabar ialah keteguhan dan ketabahan hati dalam menentang hawa nafsu. Ia bertanggungjawab mengawal seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan memastikan seseorang itu bertingkahlaku dengan akhlak yang baik.

Di dalam Al-Quran, Allah banyak mengingatkan umat Islam supaya menghayati sifat sabar di dalam kehidupan sehari-hari mereka kerana ia adalah salah satu ciri untuk menjadi insan yang cemerlang.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَصْبِرُوا
وَصَابِرُوا وَرَأِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

“ Wahai orang-orang yang beriman ! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu dan bersedialah serta ber-taqwalah kepada Allah supaya kamu berjaya”.
(Al-Quran : Surah Ali Imran , 3 : 200)

iii- sederhana (ayat 19)

وَأَقْصِدُ فِي مَشِيكَ وَأَغْضُضُ مِنْ صَوْتِكَ
إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لِصَوْتِ الْحَمِيرِ

“ Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan,
dan rendahkanlah suaramu (semasa bercakap) se-
sungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai ”

3.4.4.1. SABAR

Menurut Al-Ghazali (Tanpa Tarikh), sabar ialah keteguhan dan ketabahan hati dalam menentang hawa nafsu. Ia bertanggungjawab mengawal seseorang daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan memastikan seseorang itu bertingkahlaku dengan akhlak yang baik.

Di dalam Al-Quran, Allah banyak mengingatkan umat Islam supaya menghayati sifat sabar di dalam kehidupan seharian mereka kerana ia adalah salah satu ciri untuk menjadi insan yang cemerlang.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ مَا مَنُوا أَصْبِرُوا
وَصَابِرُوا وَرَأَيْطُوا وَآتَقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

“ Wahai orang-orang yang beriman ! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu dan bersedialah serta ber taqwalah kepada Allah supaya kamu berjaya”.
(Al-Quran : Surah Ali Imran , 3 : 200)

3.4.4.2. TAKABBUR

Takabbur ialah mengengkari kebenaran kerana ngkuh dan sompong serta memandang renrah terhadap sesama manusia. Seseorang yang takabbur akan sentiasa meninggi diri, bencikan orang lain, mempunyai sifat hasad dengki dan tidak mudah menerima nasihat orang lain. Ia berpunca kerana menganggap orang lain lebih rendah daripadanya di samping memandang hina sesama manusia.

Sifat takabbur sangat dilarang kerana sifat membesar diri atau megah terhadap diri sendiri tidak layak disifati oleh manusia. Hanya Allah sahaja yang layak bersifat dengan sifat-sifat tersebut.

3.4.4.3. TAWADHU

Tawadhu' ialah merendahkan diri kepada orang yang hendak dihormati atau menyerahkan sepenuh hati kepada Allah dan melahirkan rasa rendah serta kasih kepada manusia (Ibnu Hajar, 1959).

Orang-orang yang tawadhu'mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah. Ia juga akan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia dan menjauhi sifat bermegah-megah atau menunjuk-menunjuk di antara satu sama lain.

3.4.4.4. SEDERHANA

Menurut Al-Qardhawi, (1977) sederhana ialah pertengahan dan perseimbangan di antara dua perkara yang bertentangan; rohani dan jasmani, individu dan masyarakat, spiritual dan material dan dunia dan akhirat.

Kesederhanaan boleh diamalkan dalam kehidupan sehari-hari sama ada dalam beribadat, membelanjakan harta, berjalan, bercakap dan sebagainya. Di dalam membelanjakan harta, Allah mengingatkan manusia agar sentiasa bersederhana iaitu tidak terlalu boros semasa berbelanja dan tidak terlalu kedekut.

Sederhana semasa berjalan dijelaskan di dalam ayat :-

وَأْقِبْدُ فِي مَشْيٍكَ

“ Dan sederhanakanlah suara langkahmu semasa berjalan ”
 (Al-Quran : Surah Luqman, 31 : 19)

Maksud sederhana di dalam ayat di atas ialah pertengahan di antara cepat dan perlahan(Al-Tabari, 1978). Kesederhanaan di sini bernaksud tidak terlalu lambat seperti orang yang lemah tidak bertenaga dan tidak terlalu cepat seperti orang yang gopoh gapah.

Sabda Rasulullah s.a.w.

إِذَا أَقْيَمْتَ الصَّلَاةَ فَلَا تَأْتُوهَا
تَسْعَوْنَ وَإِنَّهَا يَمْشِيْنَ وَعَلَيْكُمْ
السَّكِينَةُ فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ
فَاتَّمُوا

“Apabila diiqamatkan solat, maka janganlah kamu tergesa-gesa kepadanya tetapi berjalanlah kepadanya dalam keadaan biasa. Hendaklah dia bertenang dan berhati - hati . Solatlah sekadar apa yang kamu dapat dan gantilah apa yang mendahului kamu ”

(Muslim, 1960)

Sekiranya dalam menyahut panggilan solatpun tidak digalakkan tergesa-tergesa berjalan sehingga menghilangkan ketenangan, apatah lagi dalam keadaan biasa kerana kesederhanaan itu melahirkan rasa rendah diri yang menjadi ciri orang mukmin.

Sebagaimana berjalan, bercakap juga menjadi ukuran kepada akhlak seseorang. Luqman Al-Hakim menasihati anaknya supaya bercakap dengan sopan santun dan lemah lembut serta tidak meninggikan suara.

وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ، إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ.

“ Dan rendahkan suaramu , sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai ”

(Al-Quran : Surah Luqman , 31 : 19)